

SOALAN NO: 433

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 433**

Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [**Pasir Gudang**] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam menaiktaraf dan menyelesaikan masalah kepadatan pesakit yang mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Pasir Gudang & Klinik Kesihatan Masai.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kawasan Pasir Gudang di daerah Johor Bahru merupakan sebuah kawasan yang sedang pesat membangun dengan kepadatan penduduk hampir 300,000 orang. Buat masa ini, penduduk di kawasan Pasir Gudang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Klinik Kesihatan (KK) Pasir Gudang dan KK Masai (7 km dari KK Pasir Gudang). Selain dari itu, Klinik 1 Malaysia (K1M) yang terletak di Taman Cendana (5KM dari KK Pasir Gudang) boleh juga memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk berdekatan.

Bagi mengurangkan beban kerja/kesesakan di KK Pasir Gudang dan KK Masai pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengemukakan permohonan untuk membina Klinik Kesihatan (Jenis 2) Taman Cendana di bawah *Rolling Plan 3 (2018)*, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP3, RMKe-11). Tapak cadangan projek klinik baru ini

terletak 4 kilometer dari Klinik Kesihatan Pasir Gudang. Selain dari itu untuk keselesaan pesakit dan juga anggota kesihatan, pembaikan bagi kerosakan kecil di KK Pasir Gudang dan KK Masai dilaksanakan di bawah peruntukan *Corrective Maintenance* (CM), Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK) dari masa ke masa.